



SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
23 Julai 2020

PNB Perkuukuh Transformasi Digital *Dengan Pengenalan Aplikasi Mudah Alih Pelaburan Mikro, Raiz*

KUALA LUMPUR, 23 Julai 2020 – Seiring perjalanan transformasi organisasi Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang mendukung digitalisasi sebagai penggerak utama, institusi pelaburan tersebut hari ini menandakan satu lagi pencapaian dengan pengenalan aplikasi mudah alih pelaburan mikro yang berinovatif, dikenali sebagai **Raiz**.

Ia dibangunkan oleh Raiz Malaysia Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama antara anak syarikat PNB, Jewel Digital Ventures Sdn Bhd (JDV) dan Raiz Invest Australia Ltd. (Raiz Invest), anak syarikat Raiz Invest Limited yang disenaraikan di Bursa Saham Australia (ASX). Matlamat Raiz adalah untuk menyediakan satu platform pelaburan yang mudah bagi pemegang unit untuk menyimpan dan melabur secara proaktif dalam dana-dana unit amanah yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan pada peringkat awal ini, platform ini tersedia secara eksklusif untuk pemegang akaun Maybank.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkongsi bahawa Raiz di Malaysia bermula apabila salah seorang bakat muda PNB, Aidi Izham Mohd Khalil yang kini merupakan Ketua Eksekutif, Raiz Malaysia Sdn Bhd, mengemukakan ideanya di Cabaran Inovasi PNB yang diadakan secara tahunan. Idea beliau adalah untuk membangunkan sebuah aplikasi mudah alih yang boleh melabur duit baki daripada pembelian harian secara automatik.

Tan Sri Dr. Zeti Aziz menambah, “Saya amat gembira kerana idea menarik ini dapat direalisasikan sebagai sebuah aplikasi mudah alih yang berpotensi besar untuk memberi manfaat kepada orang ramai secara menyeluruh. Didorong oleh pengalaman dan kepakaran Raiz Invest Australia, aplikasi inovatif Raiz kini tersedia untuk semua rakyat Malaysia.”

“Dengan pelancaran aplikasi Raiz ini dan memandangkan lebih 90% rakyat Malaysia menggunakan telefon pintar¹, ini bermakna hampir semua orang boleh mula melabur dengan mudah melalui kaedah ini. Seperti kata pepatah, ‘*Sikit-sikit lama-lama jadi bukit*’. Dalam era teknologi kini, kita tidak perlu lagi menyimpan duit dalam tabung syiling, sebaliknya, kita dapat melakukannya dengan Raiz.”

Raiz adalah aplikasi mudah alih pelaburan mikro yang memanfaatkan duit baki secara maya daripada pembelian harian pengguna untuk melabur dalam dana harga berubah ASNB secara proaktif berdasarkan portfolio pelaburan peribadi masing-masing. Ia adalah cara unik untuk pengguna memanfaatkan sepenuhnya setiap sen yang dibelanjakan yang mana bakinya boleh disimpan dan dilabur. Selain daripada pelaburan yang dibundarkan, pengguna boleh memilih untuk melabur secara pelaburan sekaligus dan pelaburan berulang.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata strategi keseluruhan perniagaan digital PNB bertujuan untuk menyelami dunia teknologi kewangan (*fintech*) menerusi JDV. “Bagi sebuah organisasi dengan visi untuk menjadi institusi pelaburan distinktif bertaraf dunia, kami teruja menjadi antara yang terawal untuk menggunakan peralatan serba canggih ini. Dengan penawaran nilai digitalnya, kami melihat potensi untuk Raiz menjadi pembuka laluan kepada mereka yang ingin mula melabur. Idea ini bersesuaian dengan usaha berterusan PNB dalam memperkasakan dan menggalakkan warga Malaysia untuk mengamalkan perancangan kewangan yang lebih berhemah.”

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Raiz Invest Australia, George Simon Lucas mengulas, “Raiz adalah platform digital yang kukuh dan berdaya maju untuk membantu memudahkan pengurusan kekayaan peribadi. Kami dapat memanfaatkan pengalaman masing-masing, khususnya pengalaman Raiz Invest dalam pelaburan automatik, terutamanya dalam bidang pelaburan duit baki, setelah mewujudkan platform serupa di Australia dan Indonesia, ditambah dengan pengalaman PNB yang luas dan mendalam sebagai antara institusi pelaburan terbesar di Malaysia.”

Pemegang unit boleh memulakan perjalanan pelaburan mereka dengan memuat turun aplikasi mudah alih Raiz secara percuma dan memautkan kepada kad debit Maybank mereka. Mereka kemudiannya boleh memberi kebenaran kepada Raiz untuk membundarkan setiap baki pembelian harian menggunakan kad dan kemudiannya membuat pelaburan dengan duit baki tersebut.

Presiden dan Ketua Pengerusi Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Abdul Farid Alias menambah, “Kerjasama ini menyediakan satu platform buat pelanggan Maybank untuk turut terlibat dalam pelaburan mikro dalam dana-dana unit amanah ASNB dengan cara yang mudah. Kami berharap ini akan menarik minat generasi muda dan juga mendorong orang ramai untuk menyimpan dan melabur.”

Raiz memberikan pengalaman yang lancar untuk pengguna melakukan pelaburan dalam talian dengan mudah. Bagi membantu pengguna mengembangkan pelaburan mereka, aplikasi ini akan mencadangkan portfolio pelaburan yang disyorkan, bersesuaian dengan profil risiko dan matlamat kewangan pengguna. Majlis fatwa kebangsaan dan seluruh negeri mengkategorikan pelaburan dalam dana-dana unit amanah ASNB, serta dividen dan bonus, sebagai (*harus*) atau dibenarkan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Raiz Malaysia, layari <https://www.raiz.com.my>.

Nota:

¹ 2019 data daripada Sumber Statistik Rasmi Malaysia

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Mengenai Raiz Malaysia Sdn Bhd

Raiz Malaysia ialah syarikat usaha sama antara Jewel Digital Ventures Sdn Bhd dan Raiz Invest Australia Ltd, platform perkhidmatan kewangan mudah alih terbesar di Australia. Jewel merupakan anak syarikat milik penuh PNB Equity Resource Corporation (PERC), yang dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad. Untuk maklumat lanjut, layari <https://www.raiz.com.my>.

Mengenai Raiz Invest Australia Limited

Raiz Invest Limited ialah perniagaan perkhidmatan kewangan mudah alih yang pertama di Australia yang menawarkan pelanggan cara melabur secara berkala, sama ada dalam jumlah besar atau kecil, dalam atau luar persaraan, yang menggunakan platform pelaburan mikro melalui aplikasi Raiz atau laman webnya. Sejak pelancarannya pada tahun 2016, Raiz telah mencapai pertumbuhan yang kukuh, mengumpulkan lebih dari 791,000 pendaftaran, dengan lebih 211,000 pelanggan aktif setiap bulan dan dana AUS\$440 juta di bawah pengurusan pada 31 Disember 2019. Untuk maklumat lanjut, layari www.raizinvest.com.au.

Mengenai Maybank – Menginsankan Perkhidmatan Kewangan

Maybank adalah antara kumpulan perbankan terkemuka di Asia dan bank keempat terbesar dari segi aset di Asia Tenggara. Kumpulan Maybank berada di Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Vietnam, Kemboja, Thailand, SAR Hong Kong & Republik Rakyat China, Bahrain, Uzbekistan, Myanmar, Laos, Pakistan, India, Arab Saudi, Britain dan Amerika Syarikat. Kumpulan menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan, termasuk perbankan pengguna dan korporat, perbankan pelaburan, perbankan Islam, pembrokeran saham, insurans dan takaful dan pengurusan aset. Untuk maklumat lanjut, layari www.maybank.com.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad